

ARTIFICIAL INTELLIGENCE (AI) AS A FATWA ASSISTANCE TOOL

KECERDASAN BUATAN (AI) SEBAGAI ALAT BANTUAN FATWA

ⁱTengku Balqis Tengku Shahrolnizam & ⁱMuhammad Adib bin Samsudin

ⁱFakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

*(Corresponding author) e-mail: adib@ukm.edu.my

ABSTRACT

This Artificial Intelligence (AI) is increasingly utilised across various fields, including the domain of fatwa issuance. Its ability to collect, organise, and analyse information positions it as a relevant supportive tool. However, its use remains debated due to concerns related to epistemology, scholarly authority, and ethics. Algorithm-based AI lacks the capability to grasp *maqāṣid al-sharī'ah*, public interest (*maṣlaḥah*), and social context—elements essential to the process of *ijtihād*. Accordingly, this study aims to analyse the potential of AI as a supportive tool in *ijtihād* and to identify guidelines for its use that align with *Sharī'ah* principles and ethical standards. This research employs content analysis of journal articles, books, expert interviews, and official guidelines. The data are analysed descriptively to identify the advantages and challenges of AI within the context of fatwa deliberation. The findings indicate that AI holds significant potential as a research assistant that aids in information gathering and the organisation of fatwa-related materials. AI, however, does not possess the qualifications required for *ijtihād* and therefore cannot replace a mufti. Its role is limited to functioning as a fatwa assistance tool that supports the processes of collecting, structuring, and analysing information. Consequently, AI must be utilised within a regulated framework established by religious authorities to ensure that its benefits align with *maqāṣid al-sharī'ah* without compromising the authority of Islamic scholars.

Keywords: *Artificial Intelligence (AI), Fatwa, Ijtihad, Maqasid Shariah, Fatwa Institutions*

ABSTRAK

Kecerdasan buatan (Artificial Intelligence, AI) semakin digunakan dalam pelbagai bidang, termasuk fatwa. Keupayaannya mengumpul, menyusun, dan menganalisis maklumat menjadikannya relevan sebagai alat sokongan. Namun, penggunaannya masih diperdebatkan kerana isu epistemologi, autoriti ulama, dan etika. AI yang berasaskan algoritma tidak mampu memahami maqasid syariah, maslahat, dan konteks sosial yang diperlukan dalam proses ijtihad. Oleh itu, objektif kajian ini ialah menganalisis potensi AI sebagai alat sokongan ijtihad serta mengenal pasti garis panduan penggunaannya yang selari dengan prinsip syariah dan etika. Kajian ini menggunakan analisis kandungan terhadap artikel jurnal, buku, temu bual pakar, dan garis panduan rasmi. Data dianalisis secara deskriptif untuk mengenal pasti kelebihan dan cabaran AI dalam konteks fatwa. Hasil kajian menunjukkan AI berpotensi besar sebagai research assistant yang menyokong pengumpulan maklumat dan penyusunan fatwa. AI tidak memiliki kelayakan ijtihad dan oleh itu tidak boleh berfungsi sebagai pengganti mufti. Sebaliknya, kedudukannya hanya sebagai alat bantuan fatwa yang menyokong proses pengumpulan, penyusunan, dan analisis maklumat. Justeru, AI perlu digunakan dalam kerangka kawalan institusi agama agar manfaatnya selaras dengan maqasid syariah tanpa menjejaskan autoriti ulama.

Kata kunci: Kecerdasan Buatan (AI), Fatwa, Ijtihad, Maqasid Syariah, Institusi Fatwa

Pendahuluan

Perkembangan pesat kecerdasan buatan (Artificial Intelligence, AI) dalam era Revolusi Industri 4.0 telah membawa perubahan besar terhadap cara manusia bekerja, berfikir, dan mengakses maklumat. AI tidak sekadar berfungsi sebagai instrumen teknologi, tetapi turut mengubah cara manusia membuat keputusan dan mendapatkan maklumat dalam kehidupan seharian. Keupayaan AI mengendalikan data berskala besar dengan pantas menjadikannya relevan dalam bidang yang memerlukan ketepatan dan kecekapan. Perubahan ini juga memberi kesan langsung kepada bidang agama, apabila masyarakat Islam semakin bergantung kepada teknologi digital untuk mencari jawapan terhadap persoalan hukum (Ibrahim Adam & Mohd. Zulfaezal 2023). Dengan kata lain, AI menyediakan jawapan kepada persoalan hukum umat Islam dengan merujuk kepada fatwa yang merupakan keputusan hukum syarak berasaskan al-Quran, al-Sunnah, ijmak, dan qiyas, serta ditimbang bersama maqasid syariah dan realiti semasa (Yusof & Hamid 2023).

Berbicara mengenai fatwa, pengeluarannya secara tradisi fatwa adalah dengan menuntut ilmu dengan mendalam, integriti rohani yang perlu ada, dan kepekaan sosial daripada para ulama yang berautoriti (rujukan). Ini bermakna, proses penyediaan fatwa antaranya memerlukan keupayaan dan ruang masa yang agak lama sebelum boleh dikeluarkan. Proses ini pada masa yang sama menggunakan alat bantu secara teknologi daripada bahan ilmiah yang tersimpan dalam alam maya.

Tambahan pula, kemunculan teknologi AI dilihat boleh membantu mempercepatkan proses pengeluaran fatwa. Dubai dan Mesir sebagai contoh, menggunakan sistem AI dalam menjawab persoalan asas hukum (Tsourlaki 2022). Hal ini menunjukkan perubahan yang semakin meningkat terhadap integrasi teknologi dalam pengeluaran fatwa oleh institusi fatwa. Pun demikian, wujud kebimbangan bahawa AI yang hanya bergantung pada algoritma dan dataset yang tidak mungkin untuk memahami maqasid, masalah, dan konteks sosial secara menyeluruh (Yusof & Abdul Hamid 2023).

Justeru, persoalan utama yang timbul ialah sejauh manakah AI berpotensi membantu institusi fatwa dalam menyokong proses ijtihad dan menangani isu-isu hukum kontemporari? Selain itu, apakah bentuk garis panduan yang sesuai untuk mengawal penggunaan AI dalam proses ijtihad dan pengeluaran fatwa agar ia tidak melampaui batas peranannya sebagai alat sokongan ulama? Kedua-dua persoalan ini menjadi asas kepada kajian ini.

Berdasarkan permasalahan tersebut, kajian ini mempunyai dua objektif utama iaitu yang pertama, menganalisis potensi penggunaan AI sebagai alat sokongan dalam proses ijtihad dan keberkesannya dalam membantu tugas institusi fatwa. Kedua, mengenal pasti garis panduan penggunaan AI yang selari dengan prinsip syariah serta batas etika supaya peranan autoritatif ulama tidak terjejas. Bagi mencapai objektif ini, artikel ini akan membincangkan fungsi AI dalam proses fatwa, menilai peranan AI dalam

amalan semasa, mengupas sokongan AI dalam penyediaan maklumat, dan akhirnya merumuskan kedudukan AI sebagai alat pelengkap yang membantu ulama, bukan sebagai pengganti autoriti fatwa.

AI dan Fatwa

Fatwa ialah instrumen penting dalam Islam yang berfungsi sebagai panduan syariah kepada masyarakat berdasarkan al-Quran, al-Sunnah, ijmak dan qiyas, serta ditimbang bersama prinsip maqasid syariah dan realiti semasa. Proses pengeluaran fatwa menuntut kelayakan ilmu, integriti rohani, serta kefahaman terhadap konteks sosial, menjadikan autoriti ulama dan institusi fatwa kekal sebagai tonggak utama. Namun, kemunculan kecerdasan buatan (AI) dalam era Revolusi Industri 4.0 telah mencetuskan wacana baharu tentang bagaimana teknologi ini boleh berperanan dalam bidang fatwa, khususnya dalam menyokong tugas ulama tanpa menjejaskan autoriti mereka (Ab Rahim, Ahmad & Hassan 2025).

AI mempunyai kelebihan dari sudut keupayaan teknikal, terutamanya dalam mengurus data berskala besar dengan cepat dan sistematik. Melalui pemprosesan bahasa semula jadi (NLP), AI boleh menelusuri ribuan teks hukum, kitab klasik, dan keputusan fatwa terdahulu, lalu membantu mengenal pasti corak hukum atau pandangan mazhab. Ibrahim Adam dan Mohd. Zulfaezal (2021) menekankan kepentingan penyediaan dataset islamik yang sahih, mekanisme klasifikasi soalan, dan penanda aras (benchmark) untuk memastikan ketepatan sistem fatwa yang automatik. Hal ini menunjukkan bahawa AI sesuai digunakan dalam peringkat teknikal seperti pencarian dalil dan penyusunan maklumat, sekali gus mengurangkan beban manual ulama. Kelebihan ini menjadikan AI sesuai digunakan pada peringkat teknikal, tetapi bagaimana pula pengalaman penggunaannya dalam institusi fatwa di pelbagai negara?

Pengalaman di beberapa negara Islam turut memperlihatkan potensi AI dalam institusi fatwa. Di Dubai, sistem Virtual Ifta diperkenalkan untuk menjawab pertanyaan asas masyarakat, manakala di Mesir, Al-Azhar Fatwa Global Centre sedang membangunkan platform digital berasaskan AI untuk menapis dan menyusun pertanyaan hukum (Tsourlaki 2022). Di Malaysia, usaha awal ke arah digitalisasi telah diwujudkan melalui portal e-fatwa yang menghimpunkan keputusan fatwa negeri, selain inisiatif aplikasi pintar seperti Nur AI yang dibangunkan dengan kerjasama agensi agama untuk menjawab persoalan asas ibadah (Muhammad Kamal Ihkam & Mustafa 2024). Walaupun inisiatif ini masih terhad dan memerlukan semakan lanjut oleh pihak berautoriti, ia menunjukkan bahawa Malaysia juga sedang bergerak ke arah penggunaan teknologi pintar dalam memudahkan capaian fatwa. Inovasi-inovasi ini membuktikan bahawa AI mampu meningkatkan keberkesanan institusi fatwa, terutamanya dari aspek pengurusan pertanyaan yang tinggi jumlahnya. Kesemua sistem ini masih meletakkan ulama sebagai pihak yang menyemak dan mengesahkan jawapan kerana AI tidak memiliki autoriti hukum. Namun, dalam masa yang sama, perkembangan teknologi ini tidak menafikan wujudnya cabaran besar yang perlu ditangani sebelum AI boleh benar-benar dimanfaatkan secara menyeluruh dalam bidang fatwa.

Walaupun AI berpotensi digunakan dalam bidang fatwa, penggunaan AI di dalam fatwa juga menimbulkan cabaran besar. Pertama, dari segi epistemologi, AI tidak memiliki *malakah ijthadiyyah* iaitu keupayaan intelektual dan rohani yang membolehkan seorang mujtahid memahami maqasid, maslahat, dan niat di sebalik hukum. Zaki (2023) menegaskan bahawa AI hanya meniru pola data tanpa pemahaman maknawi yang mendalam, menjadikannya rentan kepada kesilapan atau *hallucination*. Kedua, dari sudut autoriti, wujud kebimbangan bahawa masyarakat akan lebih bergantung kepada jawapan segera daripada AI berbanding fatwa rasmi, sekali gus menimbulkan krisis kepercayaan terhadap institusi berautoriti (Ab Rahim, Ahmad & Hassan 2025). Ketiga, dari aspek etika, Shahino Mah (2021) mengingatkan bahawa penggunaan dataset yang tidak sahih, bias algoritma, dan kurangnya kawalan boleh menjejaskan kredibiliti institusi agama. Sehubungan itu, kerajaan Malaysia melalui Jabatan Digital Negara (2023) telah menekankan keperluan garis panduan etika AI bagi memastikan teknologi ini dimanfaatkan secara berhemah, telus dan selari dengan prinsip undang-undang serta nilai agama. Maka, cabaran ini menuntut penegasan semula tentang kedudukan sebenar AI dalam bidang fatwa.

Oleh itu, kedudukan AI dalam fatwa harus difahami secara berhati-hati. AI wajar dilihat sebagai alat sokongan teknikal yang membantu mengumpul, menyusun, dan menganalisis data hukum, serta memudahkan capaian masyarakat kepada fatwa terdahulu. Namun, peranan muktamad tetap kekal di tangan ulama berautoriti yang mampu menilai dalil, maqasid, dan realiti semasa. Integrasi AI ke dalam

bidang fatwa perlu dilakukan dengan kawalan institusi yang ketat serta garis panduan etika digital yang jelas agar manfaat teknologi dapat dioptimumkan tanpa menjejaskan autoriti agama (Jabatan Digital Negara 2023). Bahagian berikutnya akan mengupas secara khusus lima fungsi utama AI dalam fatwa iaitu mengumpul, menyusun, menganalisis, melaksanakan proses, dan memudahkan akses kepada fatwa.

2.1 Mengumpul fatwa

Dalam tradisi Islam, pengumpulan fatwa dilakukan melalui kompilasi manual seperti kitab fatwa atau rekod keputusan mufti negeri. Namun, dengan munculnya kecerdasan buatan (AI), proses ini dapat dipermudah melalui kaedah digital yang lebih sistematik. AI berupaya menelusuri ribuan teks klasik, jurnal kontemporari, serta keputusan fatwa terdahulu, lalu menghimpunkannya ke dalam pangkalan data yang tersusun. Melalui teknik pemprosesan bahasa semula jadi (NLP), AI dapat mengesan kata kunci, tema, dan isu hukum yang berulang, menjadikan proses pengumpulan lebih cepat dan teratur (Ibrahim Adam & Mohd. Zulfaezal 2021). Perkembangan ini membuka ruang untuk melihat bagaimana beberapa negara Islam telah memanfaatkan teknologi dalam pengumpulan fatwa.

Pengalaman di beberapa buah negara Islam menunjukkan bahawa usaha digitalisasi fatwa telah bermula, misalnya di Dubai dan Mesir melalui sistem fatwa maya (Virtual Ifta) yang menghimpunkan pertanyaan asas serta respons mufti (Tsourlaki 2022). Di Malaysia pula, portal e-fatwa dan aplikasi pintar Nur AI telah diwujudkan untuk mengumpul serta menstrukturkan fatwa sedia ada agar mudah dirujuk oleh masyarakat dan penyelidik (Muhammad Kamal Ihkam & Mustafa 2024). Contoh-contoh ini menunjukkan bahawa walaupun AI telah digunakan dalam pelbagai bentuk, keberkesanan sistem tetap bergantung kepada kawalan dan ketepatan data yang dimasukkan.

Menurut Muhammad Nazir (2025), AI boleh dilihat sebagai *research assistant* yang membantu ulama mengumpul bahan rujukan dengan pantas, manakala Mu'iz (2025) mengingatkan bahawa ketepatan maklumat bergantung kepada kesahihan dataset Islamik yang digunakan. Oleh itu, meskipun AI memudahkan proses pengumpulan fatwa, ia tetap memerlukan kawalan manusia agar tidak berlaku kekeliruan atau kesilapan dalam penyusunan maklumat hukum. Dengan itu, jelas bahawa pengumpulan sahaja tidak mencukupi, malah perlu diikuti dengan proses penyusunan agar maklumat yang banyak itu lebih teratur dan mudah digunakan.

Penyusunan Fatwa

Selepas pengumpulan, cabaran utama ialah menyusun fatwa agar mudah diakses mengikut tema tertentu seperti ibadah, muamalat, kekeluargaan, atau jenayah syariah. Dalam tradisi manual, penyusunan ini dilakukan oleh para ulama melalui kitab fatwa atau himpunan keputusan mufti. Dengan adanya AI, penyusunan ini dapat dilakukan secara automatik menggunakan algoritma klasifikasi teks dan pembelajaran mesin. AI mampu mengatur fatwa mengikut kata kunci, isu, atau prinsip hukum, sekali gus menjadikan proses pencarian lebih sistematik. Namun, kelebihan teknikal ini juga menimbulkan persoalan tentang ketepatan dan etika data yang digunakan dalam penyusunan.

Shahino Mah (2021) menekankan bahawa proses penyusunan fatwa secara digital mesti mengambil kira isu etika data, termasuk kesahihan sumber dan kebolehpercayaan klasifikasi algoritma. Misalnya, kesilapan dalam meletakkan fatwa ibadah di bawah kategori muamalat boleh menimbulkan salah faham dalam kalangan masyarakat. Justeru, ulama perlu berperanan mengesahkan hasil penyusunan AI agar integriti maklumat kekal terjamin. Hal ini membawa kepada contoh aplikasi semasa yang telah dilaksanakan di Malaysia sebagai percubaan awal penyusunan fatwa digital.

Di Malaysia, aplikasi pintar seperti Nur AI bukan sahaja mengumpul fatwa tetapi juga menyusunnya mengikut kategori asas hukum. Walaupun masih peringkat awal, inisiatif ini menunjukkan potensi besar AI dalam meringankan beban manual institusi fatwa (Muhammad Kamal Ihkam & Mustafa 2024). Dengan demikian, penyusunan fatwa oleh AI dapat dilihat sebagai langkah awal yang menjimatkan masa dan memudahkan capaian, namun proses ini tetap perlu dipandu oleh manusia yang memahami maqasid dan konteks hukum sebelum bergerak ke tahap analisis yang lebih mendalam.

Menganalisis fatwa

Selain mengumpul dan menyusun, AI turut berpotensi menjalankan analisis mendalam terhadap pola dan kecenderungan fatwa. Melalui teknik analitik data, AI boleh mengesan trend hukum antara negara, mengenal pasti perbezaan pendekatan, dan menilai isu kontemporari secara komparatif. Tsourlaki (2022) menunjukkan bahawa terdapat perbezaan jelas antara pendekatan Mesir dan Dubai dalam mengurus soalan hukum berasaskan AI. Mesir lebih berhati-hati dengan penekanan kepada penapisan, manakala Dubai lebih terbuka dengan menjawab persoalan asas melalui Virtual Ifta. Perbandingan ini memperlihatkan bahawa analisis AI bukan sekadar mengenal pasti pola, tetapi juga menjadi asas untuk memahami dinamika fiqh kontemporari di peringkat antarabangsa.

Sehubungan itu, Yusof dan Abdul Hamid (2023) pula menekankan kepentingan analisis perbandingan ini dalam menilai keseragaman atau perbezaan hukum. Misalnya, dalam isu kewangan Islam, AI boleh mengenal pasti perbezaan fatwa antara Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia dengan fatwa institusi Timur Tengah. Analisis ini bukan sahaja memberi manfaat kepada ulama dalam menentukan pandangan yang lebih sesuai, tetapi juga membantu penyelidik dan pembuat dasar memahami kepelbagaian amalan di pelbagai negara. Walaupun begitu, Ab Rahim, Ahmad dan Hassan (2025) mengingatkan bahawa AI hanya berfungsi menganalisis berdasarkan data sedia ada. AI tidak mampu menilai maslahat, maqasid, atau konteks sosial yang kompleks. Dalam hal ini, fungsi AI lebih dekat dengan konsep *decision support system* (DSS) yang banyak digunakan dalam bidang perubatan dan undang-undang, iaitu sebagai sistem yang menyediakan data, ringkasan, dan cadangan awal untuk membantu pakar membuat keputusan muktamad. Hasil analisis AI dalam fatwa mesti dianggap sekadar sokongan maklumat, bukan sebagai hukum yang mengikat. Oleh itu perlu difahami bahawa peranan ini menjadi lebih jelas sekiranya AI hanya digunakan untuk menyokong atau membantu ulama dengan menyediakan data awal tanpa mengambil alih kuasa pengistinbat hukum.

Proses pengeluaran fatwa

AI juga boleh menyokong proses pengeluaran fatwa dengan menyediakan data awal, ringkasan dalil, dan pendapat ulama terdahulu. Sama seperti sistem sokongan keputusan dalam bidang perubatan dan undang-undang, AI membantu ulama menjimatkan masa dengan memberikan gambaran awal sebelum mereka melakukan ijtihad. Hal ini membuka ruang kepada perbincangan tentang bagaimana AI boleh bertindak sebagai pembantu teknikal dalam proses istinbat.

Menurut Alshithisri (2024), AI berpotensi menjadi *legal assistant* yang mengemukakan alternatif pandangan fiqh, dalil, dan pendapat ulama. Konsep *legal assistant* di sini merujuk kepada peranan teknologi sebagai pembantu undang-undang yang menyediakan dokumen, menyaring kes, atau menganalisis rujukan, tetapi tidak mempunyai kuasa membuat keputusan muktamad. Dalam konteks fatwa, AI boleh berfungsi dengan cara yang sama iaitu dengan menyajikan dalil dan pandangan fiqh secara teratur untuk ulama, tetapi keputusan hukum tetap berada di tangan manusia. Hal ini kerana hanya mujtahid yang memiliki *malakah ijtihadiyyah* sahaja yang mampu menilai maqasid syariah dan maslahat masyarakat. Ini menunjukkan bahawa walaupun AI mampu menyediakan cadangan awal, proses pengesahan dan penguatkuasaan hukum tetap memerlukan autoriti ulama (Ab Rahim, Ahmad & Hassan 2025).

Di Malaysia, walaupun aplikasi pintar seperti Nur AI telah diperkenalkan, semua jawapan akhir tetap perlu disahkan oleh pihak berautoriti. Hal ini selaras dengan prinsip maqasid yang menuntut agar hukum tidak hanya bersandarkan teks, tetapi juga mengambil kira maslahat masyarakat dan realiti semasa (Muhammad Kamal Ihkam & Mustafa 2024). Dengan itu, kedudukan AI dalam proses fatwa harus difahami sebagai pembantu yang bekerjasama menyokong tugas ulama, bukan sebagai pihak yang mengambil alih atau menggantikan autoriti mereka.

Oleh itu, proses pengeluaran fatwa dengan bantuan AI mesti dilihat sebagai kolaborasi antara teknologi dan ulama. AI boleh menyaring dan menyediakan maklumat, tetapi keputusan akhir tetap mesti dibuat oleh manusia yang memiliki *malakah ijtihadiyyah*. Peranan sokongan ini akan lebih menyerlah apabila AI dilihat dari sudut capaian dan penyebaran fatwa kepada masyarakat yang akan dibincangkan pada bahagian seterusnya.

Aksesibiliti fatwa

Salah satu sumbangan terbesar AI dalam bidang fatwa ialah meningkatkan aksesibiliti hukum kepada masyarakat. Melalui teknologi digital, fatwa kini boleh diakses pada bila-bila masa, dalam pelbagai bahasa, dan oleh pengguna di seluruh dunia. Di Dubai, Virtual Ifta menyediakan khidmat tanya jawab fatwa asas 24 jam sehari. Sistem ini membolehkan masyarakat mendapat jawapan segera terhadap persoalan ibadah rutin tanpa perlu hadir ke institusi fatwa (Tsourlaki 2022). Perkembangan ini menunjukkan bahawa AI bukan sahaja mempercepat proses penyebaran maklumat, tetapi juga membuka ruang kepada inisiatif serupa di negara lain termasuk Malaysia.

Di Malaysia, usaha yang sama dapat dilihat melalui portal e-fatwa dan aplikasi pintar Nur AI. Kedua-duanya berfungsi sebagai pusat sehati fatwa digital yang menghimpunkan keputusan fatwa negeri agar lebih mudah dirujuk oleh masyarakat dan penyelidik (Muhammad Kamal Ihkam & Mustafa 2024). Walaupun menyediakan kemudahan capaian yang lebih sistematik, perkembangan ini menimbulkan persoalan tentang sejauh mana kualiti maklumat yang dipaparkan dapat dijamin.

Ibrahim Adam dan Mohd. Zulfaezal (2021) menekankan bahawa AI mampu menjadikan fatwa lebih mudah dicapai melalui enjin carian pintar dan pangkalan data yang mesra pengguna. Namun, Muhamad Mu'iz (2025) mengingatkan bahawa capaian tanpa kawalan boleh menimbulkan risiko, seperti penyebaran fatwa palsu atau jawapan yang tidak sahih. Oleh itu, isu aksesibiliti tidak boleh dipisahkan daripada keperluan pengawasan institusi agama untuk memastikan hanya fatwa yang sahih dan berautoriti disebarkan.

Kesimpulannya, AI telah membuka ruang baharu dalam menjadikan fatwa lebih dekat dengan masyarakat. Walau bagaimanapun, capaian yang terlalu mudah tanpa semakan ulama berpotensi mencetuskan krisis kepercayaan. Justeru, aksesibiliti yang luas mesti diimbangi dengan kawalan ketat oleh institusi agama agar masyarakat memperoleh manfaat teknologi tanpa mengorbankan autoriti syariah.

Peranan AI dalam Fatwa Semasa

Kajian ini turut menilai pandangan tokoh tempatan melalui sesi temu bual bagi mendapatkan perspektif semasa tentang kelayakan AI sebagai alat sokongan dalam bidang fatwa. Hasil temu bual bersama dua orang sarjana, iaitu Muhammad Nazir dan Muhamad Mu'iz, memberikan gambaran yang jelas mengenai kedudukan AI dalam konteks Malaysia. Pandangan pertama datang daripada Muhammad Nazir yang menekankan fungsi AI sebagai pembantu ulama.

Menurut Muhammad Nazir (2025), kecerdasan buatan wajar difahami sebagai alat sokongan, bukan pengganti kepada ulama. Beliau menyifatkan AI sebagai *research assistant* yang dapat mempercepat proses carian dalil, kitab klasik, atau fatwa terdahulu. Ulama yang sebelum ini memerlukan masa panjang untuk meneliti sumber boleh memanfaatkan teknologi ini bagi mendapatkan gambaran awal dengan lebih cepat. Sebagai contoh, AI boleh menapis ribuan teks hukum dengan hanya beberapa arahan, sekali gus menjimatkan masa penyelidikan dan mufti dalam menyediakan jawapan awal kepada masyarakat. Namun, beliau menegaskan bahawa AI tidak mempunyai *malakah ijtihadiyyah* dan tidak mampu menilai maqasid syariah. Istibat hukum memerlukan bukan sahaja analisis teks, tetapi juga penghayatan rohani, kepekaan sosial, dan penimbangan maslahat yang tidak mungkin dicapai oleh mesin. Oleh itu, keputusan hukum tetap perlu ditentukan oleh mufti atau pihak berautoriti, manakala AI hanya berperanan menyediakan maklumat awal yang lebih tersusun dan mudah dicapai. Jika Muhammad Nazir (2025) menekankan aspek potensi dan had teknikal AI, pandangan Muhamad Mu'iz (2025) pula lebih kritikal terhadap isu ketepatan maklumat.

Muhamad Mu'iz (2025) pula memberikan pandangan lebih kritis dengan menekankan isu ketepatan maklumat. Beliau menjelaskan bahawa jawapan AI sangat bergantung kepada dataset yang digunakan. Jika data yang dimasukkan adalah sahih dan disemak, maka maklumat yang dihasilkan boleh membantu proses ijtihad kolektif. Sebaliknya, jika dataset bercampur aduk atau tidak ditapis, AI berpotensi menghasilkan maklumat yang mengelirukan, bahkan mungkin “fatwa palsu” yang boleh menjejaskan keyakinan masyarakat terhadap institusi agama. Menurutnya, cabaran utama bukanlah keupayaan teknologi itu sendiri, tetapi kawalan manusia terhadap data yang dimasukkan ke dalam sistem. Beliau

menegaskan bahawa pengawasan institusi agama adalah keperluan mutlak untuk mengelakkan AI disalahgunakan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Pandangan kritis ini membawa kepada keperluan yang lebih mendasar, iaitu garis panduan etika yang jelas dalam penggunaan AI.

Selain itu, kedua-dua sarjana juga menekankan kepentingan garis panduan etika yang jelas dalam penggunaan AI untuk tujuan agama. Mereka sependapat bahawa tanpa garis panduan, masyarakat mungkin lebih mempercayai jawapan segera daripada mesin berbanding fatwa rasmi yang dikeluarkan oleh ulama. Hal ini boleh menimbulkan krisis kepercayaan terhadap institusi berautoriti dan mengurangkan pengaruh ulama dalam masyarakat. Oleh itu, mereka mencadangkan agar Majlis Fatwa Kebangsaan dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) memainkan peranan utama dalam mengawal selia penggunaan AI. AI seharusnya berfungsi di bawah rangka kerja yang jelas, dengan semakan dan pengesahan manusia pada setiap peringkat. Kesepakatan ini akhirnya menegaskan kedudukan AI sebagai alat bantuan yang berguna tetapi tetap memerlukan kawalan manusia.

Pandangan kedua-dua pakar ini menunjukkan bahawa walaupun AI mempunyai potensi besar dari sudut teknikal, ia tidak boleh dilepaskan daripada kawalan manusia. AI wajar dilihat sebagai wasilah teknologi yang menyokong tugas ulama, sama seperti pangkalan data digital atau perpustakaan maya. Namun, AI tidak boleh berdiri sendiri sebagai sumber hukum kerana ia tidak memiliki autoriti syariah. Keputusan hukum tetap mesti dibuat oleh manusia yang berilmu, berautoriti, dan memahami maqasid syariah.

Kesimpulannya, temu bual ini mengesahkan bahawa masyarakat Islam boleh memanfaatkan AI dalam bidang fatwa, tetapi dengan syarat ia dipandu oleh prinsip syariah, garis panduan etika, dan pengawasan institusi agama. AI hanya berperanan mempercepat proses pengumpulan dan analisis maklumat, tetapi kuasa ijtihad dan autoriti fatwa tetap berada di tangan ulama.

Maklumat Berbantuan AI

Sokongan AI dalam Penyediaan Maklumat

Salah satu kelebihan utama kecerdasan buatan (AI) ialah kebolehannya menyediakan maklumat dalam bentuk ringkas dan sistematik. Dalam konteks fatwa, AI dapat membantu ulama dengan menghasilkan ringkasan dalil, hadis, serta pandangan ulama terdahulu yang berkaitan dengan sesuatu isu. Proses ini menyerupai sistem sokongan keputusan (*decision support system*) dalam bidang perubatan dan undang-undang, di mana teknologi digunakan untuk mempercepat carian maklumat serta menyusun data agar lebih mudah ditafsir oleh pakar (Ab Rahim, Ahmad & Hassan 2025). Hal ini menunjukkan bahawa fungsi AI bukan sahaja pada pengumpulan maklumat, tetapi juga pada keupayaan menyusun ringkasan yang boleh terus digunakan oleh ulama ketika berdepan isu semasa.

Contohnya, seorang mufti yang menerima persoalan mengenai hukum transaksi digital, boleh menggunakan AI untuk mengimbas ratusan karya fiqh kontemporari dan resolusi syariah antarabangsa. AI boleh menghasilkan ringkasan berstruktur meliputi pendapat ulama, dalil al-Quran dan hadis, serta fatwa terdahulu. Namun, sebagaimana ditegaskan oleh Muhammad Kamal Ihkam dan Mustafa (2024), ringkasan ini hanyalah maklumat mentah yang tidak menggantikan proses istinbat. Peranan ulama tetap penting dalam menilai kesahihan dalil, menghubungkannya dengan maqasid syariah, dan memastikan jawapan sesuai dengan konteks semasa. Walau bagaimanapun, keberkesanan ringkasan AI ini sangat bergantung pada ketulenan data yang digunakan, dan di sinilah timbul persoalan tentang etika dan kawalan dalam penyediaan maklumat.

Tambahan pula, Shahino Mah (2021) menegaskan bahawa isu etika tidak boleh dipandang ringan dalam penyediaan maklumat. Penggunaan dataset yang tidak sahih atau bercampur aduk berpotensi menghasilkan jawapan yang salah atau bias. Oleh itu, sistem AI perlu disemak oleh pakar agama sebelum disebarkan kepada masyarakat. Dengan adanya kawalan yang jelas, AI boleh menjadi sumber maklumat tambahan yang membantu ulama mengurus jumlah pertanyaan fatwa yang semakin meningkat. Oleh kerana itulah, untuk memahami dengan lebih mendalam bagaimana AI dapat berfungsi secara berkesan dalam bidang fatwa, kita perlu meneliti bidang-bidang teknologi AI yang paling relevan dengan agama dan hukum, seperti NLP, pembelajaran mesin, dan sistem pakar.

Bidang-bidang AI yang Berkaitan dengan Agama dan Fatwa

Dalam bidang agama, terdapat beberapa cabang utama AI yang mempunyai kaitan langsung dengan pengeluaran fatwa. Pertama, **Pemprosesan Bahasa Semula Jadi (Natural Language Processing, NLP)**. Teknologi ini membolehkan AI memahami soalan masyarakat dalam bahasa harian, termasuk bahasa Melayu atau Arab. NLP dapat menukar persoalan yang ditulis secara umum kepada bentuk pertanyaan hukum yang lebih formal untuk dianalisis oleh sistem. Hal ini amat berguna dalam menyaring ribuan pertanyaan awam yang dikemukakan melalui portal fatwa. Selain NLP yang memberi tumpuan kepada kefahaman bahasa, bidang lain seperti penggalian data pula berperanan mengurus maklumat hukum dalam skala yang lebih besar.

Kedua, **Penggalian Data (Data Mining)**. Teknik ini membolehkan AI menyaring dan mengekstrak maklumat penting daripada ribuan fatwa lama, kitab klasik, serta jurnal moden. Sebagai contoh, AI boleh mengenal pasti semua fatwa berkaitan kewangan Islam dari pelbagai negara dan membandingkannya secara automatik. Proses ini menjimatkan masa penyelidikan dan memberi gambaran jelas tentang variasi pandangan mazhab. Jika penggalian data membantu dalam aspek kuantiti dan perbandingan, graf pengetahuan pula memberi nilai tambah dengan menghubungkan dalil dan prinsip syariah secara lebih visual dan kontekstual.

Ketiga, **Graf Pengetahuan (Knowledge Graphs)**. Bidang ini membolehkan AI menghubungkan dalil, maqasid, dan pandangan ulama dalam bentuk rangkaian yang mudah difahami. Misalnya, jika masyarakat bertanya tentang hukum penggunaan aplikasi dompet digital, AI boleh memautkan isu tersebut dengan konsep *qabd* (penguasaan), prinsip *gharar*, dan fatwa-fatwa terdahulu mengenai transaksi elektronik. Dengan itu, hubungan antara dalil, prinsip syariah, dan keputusan hukum dapat divisualkan dengan lebih jelas. Namun begitu, potensi besar ketiga-tiga bidang ini hanya dapat direalisasikan dengan syarat wujud kawalan terhadap dataset Islamik yang digunakan.

Menurut Ibrahim Adam dan Mohd. Zulfaezal (2021), integrasi teknologi ini hanya akan berjaya jika dataset Islamik yang digunakan sahih, disemak, dan dikawal rapi. Mu'iz (2025) turut menekankan bahawa tanpa kawalan terhadap dataset, AI berisiko besar menyebarkan maklumat bercanggah yang boleh mengelirukan masyarakat. Oleh itu, walaupun bidang-bidang AI ini mempunyai potensi besar, ia tetap memerlukan pengawasan ketat daripada institusi agama. Hal ini membuktikan bahawa AI hanya berperanan sebagai penyokong teknikal, bukan sebagai penentu hukum.

Kesimpulannya, maklumat berbantuan AI dapat menyokong ulama dalam menyediakan jawapan fatwa yang lebih cepat, tersusun, dan berasaskan data yang luas. Namun, ia tidak boleh menggantikan autoriti ulama. AI harus difahami sebagai teknologi sokongan yang memperkukuh proses ijtihad kolektif, selaras dengan maqasid syariah, dan sentiasa berada di bawah pengawasan pakar agama. Berdasarkan kefahaman ini, perbincangan seterusnya akan menilai dengan lebih terperinci bagaimana AI dapat berperanan secara praktikal sebagai alat bantuan dalam proses fatwa, termasuk kelebihan, risiko, dan garis panduan yang diperlukan untuk mengawal penggunaannya.

AI sebagai Alat Bantuan Fatwa

Kecerdasan buatan (AI) mempunyai potensi besar dalam bidang fatwa, khususnya sebagai alat bantu yang menyokong tugas ulama dan institusi agama. Walaupun tidak mampu menggantikan peranan manusia yang berautoriti, AI boleh memainkan peranan penting dalam beberapa aspek, antaranya kecepatan akses, kemudahan capaian, serta keupayaan mengurus data berskala besar. Namun, dalam masa yang sama terdapat risiko dan cabaran yang perlu diberi perhatian, termasuk isu kesahihan maklumat, autoriti ulama, serta etika penggunaannya. Untuk memahami dengan lebih mendalam peranan AI, perbincangan ini akan dimulakan dengan meneliti kelebihannya dalam bidang fatwa sebelum beralih kepada risiko dan cabaran yang dihadapi.

Kelebihan AI dalam Bidang Fatwa

Pertama, AI mampu menjawab persoalan awal dengan cepat dan mudah diakses. Hal ini penting kerana masyarakat moden sering memerlukan jawapan segera terhadap persoalan hukum. Menurut Ab Rahim, Ahmad dan Hassan (2025), AI berupaya mengurangkan beban institusi fatwa dengan menyediakan

jawapan asas kepada soalan berulang, manakala ulama boleh menumpukan kepada isu-isu yang lebih kompleks. Selain mempercepat jawapan, AI juga memberi kelebihan dari sudut capaian global yang menjadikan fatwa lebih mudah diakses oleh umat Islam di seluruh dunia

Kedua, AI membolehkan capaian yang lebih luas kepada masyarakat global. Fatwa yang sebelum ini terbatas kepada wilayah tertentu kini boleh diakses secara digital dalam pelbagai bahasa. Tsourlaki (2022) menunjukkan bagaimana Virtual Ifta di Dubai mampu melayani ribuan pertanyaan asas setiap hari, sekali gus meningkatkan keberkesanan institusi fatwa dalam memberi panduan kepada umat Islam di seluruh dunia. Selain memberi capaian meluas, AI juga menyumbang kepada pengurusan maklumat dalam jumlah yang besar melalui teknologi analitik moden.

Ketiga, AI membantu mengurus jumlah data yang besar. Dengan teknik pemprosesan bahasa semula jadi (NLP) dan penggalian data, AI boleh menelusuri ribuan teks hukum klasik dan kontemporari untuk menghasilkan ringkasan yang relevan. Shogar dan Mohd. Zulfaezal (2021) menekankan bahawa pendekatan ini mampu mempercepat penyelidikan dan menyediakan sumber maklumat yang lebih tersusun kepada ulama. Walaupun kelebihan ini membuka ruang baharu bagi institusi fatwa, penggunaan AI tetap berdepan risiko dan cabaran yang perlu ditangani dengan serius.

Risiko dan Cabaran Penggunaan AI

Walaupun mempunyai potensi besar, penggunaan AI dalam fatwa juga membawa pelbagai risiko. Pertama, AI berisiko menghasilkan data yang salah atau tidak sahih. Fenomena ini dikenali sebagai *hallucination*, iaitu apabila sistem AI menghasilkan maklumat yang meyakinkan tetapi palsu. Zaki (2023) mengingatkan bahawa tanpa kawalan manusia, masyarakat boleh tersalah faham dan mengambil jawapan AI sebagai fatwa rasmi. Selain risiko kesilapan maklumat, isu autoriti ulama juga menjadi kebimbangan utama dalam penggunaan AI.

Kedua, terdapat isu autoriti ulama. AI yang memberikan jawapan segera berpotensi mengurangkan rujukan masyarakat kepada mufti atau institusi berautoriti. Hal ini boleh menimbulkan krisis kepercayaan terhadap institusi agama. Yusof dan Abdul Hamid (2023) menekankan bahawa peranan ulama mesti terus diperkukuh agar masyarakat tidak bergantung sepenuhnya kepada teknologi. Tambahan pula, perbincangan tentang risiko AI tidak lengkap tanpa menyorot aspek etika dan tanggungjawab penggunaannya.

Ketiga, penggunaan AI menimbulkan persoalan etika dan tanggungjawab. Shahino Mah (2021) menegaskan bahawa bias algoritma, penggunaan dataset tidak sahih, serta ketiadaan kawalan boleh menjejaskan kredibiliti institusi agama. Persoalan utama ialah siapakah yang bertanggungjawab jika AI mengeluarkan jawapan yang salah? Tanpa garis panduan jelas, risiko ini boleh menjejaskan imej institusi fatwa. Oleh kerana risiko ini nyata, maka cadangan pengawalan dan garis panduan menjadi aspek penting yang perlu diberi perhatian.

Cadangan Pengawalan dan Garis Panduan

Bagi mengatasi risiko tersebut, AI perlu dikawal melalui garis panduan yang jelas. Kerajaan Malaysia telah memulakan langkah ini melalui Garis Panduan Penggunaan AI (Jabatan Digital Negara 2023). Walau bagaimanapun, garis panduan khusus untuk bidang agama perlu diwujudkan dengan pengawasan Majlis Fatwa Kebangsaan dan JAKIM. Garis panduan ini boleh meliputi aspek pemilihan dataset, kawalan kandungan, serta prosedur pengesahan jawapan AI oleh ulama. Selain kawalan institusi, kedudukan AI juga perlu difahami dalam kerangka *ijtihad jamā'ī*.

Selain itu, AI mesti ditempatkan dalam kerangka *ijtihad jamā'ī*. Ab Rahim, Ahmad dan Hassan (2025) menekankan bahawa fatwa kolektif lebih berwibawa kerana melibatkan pelbagai pakar. Dalam konteks ini, AI boleh dilihat sebagai “pakar teknikal” yang menyediakan data dan analisis, tetapi keputusan hukum tetap diputuskan oleh manusia. Pendekatan ini bukan sahaja mengekalkan autoriti ulama, tetapi juga memastikan teknologi dimanfaatkan secara optimum. Dalam masa yang sama, maqasid syariah perlu dijadikan asas supaya penggunaan AI benar-benar memberi manfaat kepada umat Islam.

Akhir sekali, maqasid syariah perlu dijadikan asas dalam penggunaan AI. Muhammad Kamal Ihkam dan Mustafa (2024) menunjukkan bahawa pelajar UIAM menggunakan ChatGPT sebagai rujukan awal, tetapi tetap menilai jawapan AI berdasarkan maqasid. Hal ini membuktikan bahawa AI boleh dimanfaatkan dengan baik selagi ia berada dalam kerangka maqasid syariah yang menekankan keadilan, maslahat, dan penjagaan agama.

AI sememangnya mempunyai potensi sebagai alat bantu dalam bidang fatwa, terutamanya dalam aspek pengurusan data, penyediaan maklumat, dan capaian global. Namun, ia juga membawa risiko besar jika digunakan tanpa kawalan. Oleh itu, AI perlu diletakkan pada kedudukan yang jelas, iaitu sebagai wasilah teknologi yang membantu, bukan menggantikan autoriti ulama. Hanya dengan garis panduan syariah, kawalan institusi, dan kesedaran masyarakat, AI boleh dimanfaatkan sepenuhnya tanpa menjejaskan integriti dan autoriti institusi fatwa.

Kesimpulan

Perbincangan dalam artikel ini menunjukkan bahawa kecerdasan buatan (AI) mempunyai potensi besar untuk dimanfaatkan dalam bidang fatwa. Sebagai teknologi Revolusi Industri 4.0, AI telah membuktikan keupayaannya dalam bidang perubatan, undang-undang, dan pendidikan. Dalam konteks agama, khususnya fatwa, AI menawarkan pelbagai kemudahan, antaranya kecekapan dalam mengurus data, keupayaan menyusun maklumat secara sistematik, serta memperluas capaian fatwa kepada masyarakat global. Melalui fungsi seperti pengumpulan, penyusunan, analisis, penyediaan data, dan peningkatan aksesibiliti, AI dapat dilihat sebagai alat yang menyokong institusi fatwa dalam melaksanakan tanggungjawab mereka.

Walau bagaimanapun, potensi besar ini datang bersama cabaran yang serius. Pertama, AI tidak mempunyai *malakah ijthadiyyah* iaitu keupayaan rohani dan intelektual yang menjadi syarat utama dalam istinbat hukum. Oleh itu, AI tidak boleh menggantikan peranan ulama. Kedua, risiko kesilapan maklumat dan fenomena *hallucination* menjadikan jawapan AI tidak boleh diterima bulat-bulat tanpa semakan. Ketiga, wujud kebimbangan tentang krisis autoriti, iaitu apabila masyarakat lebih mempercayai jawapan segera daripada AI berbanding fatwa rasmi yang dikeluarkan oleh mufti. Keempat, aspek etika dan tanggungjawab juga menuntut perhatian, kerana penggunaan dataset tidak sahih, bias algoritma, dan ketiadaan kawalan boleh menjejaskan kredibiliti institusi agama.

Berdasarkan temu bual bersama pakar iaitu Muhammad Nazir (2025) dan Muhamad Mu'iz (2025), jelas bahawa AI dilihat lebih sesuai sebagai *research assistant* yang membantu ulama mengurus maklumat dan menyediakan gambaran awal, bukannya sebagai pengganti dalam pengeluaran fatwa. Kedua-dua tokoh ini menegaskan bahawa kawalan manusia, semakan pakar, dan pengawasan institusi agama adalah syarat utama bagi memastikan AI berfungsi dalam kerangka yang sahih. Hal ini sejajar dengan dapatan kajian-kajian yang dilakukan (Tsourlaki 2022; Ab Rahim, Ahmad & Hassan 2025; Yusof & Abdul Hamid 2023) yang menekankan bahawa AI hanya berperanan sebagai alat teknikal yang melengkapkan usaha ulama, bukan entiti yang memiliki autoriti hukum.

Malaysia sudah mula mengambil langkah ke arah penggunaan teknologi AI secara beretika melalui penerbitan *Garis Panduan Penggunaan Kecerdasan Buatan* (Jabatan Digital Negara 2023). Namun, garis panduan khusus bagi bidang agama masih perlu dibangunkan. Majlis Fatwa Kebangsaan dan JAKIM wajar menggubal polisi yang jelas meliputi aspek pemilihan dataset Islamik, mekanisme semakan jawapan, serta tanggungjawab institusi dalam mengawasi penggunaan AI. Garis panduan ini penting bukan sahaja untuk menjaga integriti fatwa, tetapi juga untuk memastikan teknologi dimanfaatkan selari dengan maqasid syariah.

Kesimpulannya, AI mempunyai kedudukan yang strategik dalam bidang fatwa jika digunakan secara terkawal. Teknologi ini boleh memperkukuh amalan *ijtihad jamā'ī* dengan menyediakan data dan analisis, tetapi kuasa hukum tetap berada di tangan manusia yang berilmu. Dengan kawalan yang rapi, garis panduan yang jelas, dan penekanan kepada maqasid syariah, AI berpotensi menjadi pelengkap yang memperkukuh peranan ulama dalam membimbing masyarakat Islam menghadapi cabaran semasa dan masa hadapan.

Rujukan

- Ab Rahim, R., Ahmad, F., & Hassan, N. (2025). From human scholars to AI fatwas: Media, ethics, and the limits of AI in Islamic religious communication. *International Journal of Islamic Thought*, 18(1), 45–58.
- Abdullah, S. M. (2021). Artificial intelligence (AI) and its associated ethical issues. *Journal of Islamic Ethics*, 5(2), 33–47.
- Aliff, M. (2023). Examining the role of artificial intelligence (GPT-3.5) in issuing fatwas for Islamic family cases: A comparative analysis. *Journal of Contemporary Fiqh*, 11(3), 120–138.
- Alshithisri, A. B. A. (2024). A study of the legal and fiqhi impact of AI on issuing fatwas. *Kurdish Studies*, 12(1), 2504–2511.
- Ibrahim, A. A., & Mohd Zulfaezal Che Azemin. (2021). Challenges and opportunities of artificial intelligence technologies in Islamic education systems. *International Islamic University Malaysia*.
- Jabatan Digital Negara. (2023). *Garis panduan penggunaan kecerdasan buatan (AI) di Malaysia*. Kementerian Komunikasi dan Digital Malaysia.
- Muhammad Kamal Ihkam bin Mukmin Hakim, & Mustafa Mat Jubri Shamsuddin. (2024). Maqasid al-Shariah in the age of AI: A critical examination of ChatGPT usage among International Islamic University Malaysia students. *Jurnal Syariah*, 11(2), 1–18.
- Muhamad Mu'iz bin Abdullah. (2025). Kecerdasan buatan (AI) sebagai alat bantuan fatwa [Temu bual, 15 September 2025].
- Muhammad Nazir Alias. (2025). Kecerdasan buatan (AI) sebagai alat bantuan fatwa [Temu bual, 4 September 2025].
- Munshi, A. A., AlSabban, W. H., Farag, A. T., Rakha, O. E., Al Sallab, A. A., & Alotaibi, M. (2021). Towards an automated Islamic fatwa system: Survey, dataset and benchmarks. *International Journal of Computer Science and Mobile Computing*, 10(4), 118–131.
- Rahim, R. A. A., Ismail, P., & Mohd Dahlal, N. H. (2009). Ijtihad dalam institusi fatwa di Malaysia: Satu analisis. *Jurnal Syariah*, 17(1), 195–222.
- Tsourlaki, S. (2022). Artificial intelligence on Sunni Islam's fatwa issuance in Dubai and Egypt. *Middle East Journal of Digital Religion*, 14(2), 112–130.
- Yusof, N., & Hamid, A. (2023). Artificial intelligence in Islamic law: A comparative jurisprudential and ethical study. *Journal of Islamic Jurisprudence*, 27(1), 99–120.